



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 DISEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

KBBM bantu jualan produk tempatan

Hampir 80 syarikat catat jualan 3 juta unit hasil kerjasama Pasar Raya LuLu dan KPDN

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD SHAH ALAM

Lebih 600 produk tempatan mencatatkan jualan sebanyak 3 juta unit setakat November lalu melalui kerjasama Pasar Raya LuLu dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) dalam Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) dan Kerjasama Mengeksport Produk Malaysia ke Luar Negara.



Fuziah (depan, dua dari kanan) merasmikan majlis pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) di Pasar Raya LuLu, Kuala Lumpur pada Khamis.

Pasar Raya LuLu dalam kenyataan ber kata, jualan tersebut dicatat hampir 80 syarikat di Malaysia yang mengeksport produk tempatan ke pasar raya itu di tujuh negara, iaitu Pasar Raya LuLu Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Oman, Qatar, Kuwait, Bahrain dan India.

"Pada hari ini (Khamis), pihak kami memberi penghargaan

kepada tiga syarikat tempatan dan pengeksport Malaysia terbaik bagi tahun ini yang telah cemerlang dalam prestasi penjualan produk di dalam maupun luar negara.

"Bagi penerima Anugerah Tiga Syarikat Tempatan Pengeksport Terbaik tahun ini berjaya membuat jualan satu juta unit produk bersamaan hampir RM7.7 juta secara keseluruhan

adalah Kawan Food Manufacturing Sdn Bhd, Sydney Cake House Sdn Bhd dan Carepro Marketing Sdn Bhd.

"Bagi KBBM pula, sebanyak 1,420 produk tempatan berjaya dipromosikan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan se derhana (PKMS) yang membolehkan Fatihah Frozen Sdn Bhd, Afy Haniff Bina & Bekal dan Hang Tuah Sdn Bhd meraih

Anugerah Tiga Syarikat Tempatan Terbaik," katanya pada Khamis.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh hadir merasmikan pelancaran program KBBM dan inisiatif Kerjasama Mengeksport Produk Malaysia ke Luar Negara di Pasar Raya LuLu, Kuala Lumpur pada Khamis.

Tambah kenyataan itu, program serta inisiatif itu membantu dalam meningkatkan jumlah permintaan terhadap barang tempatan di dalam atau luar negara.

"Kerjasama dengan pasar raya antarabangsa seperti Pasar Raya LuLu sangat membantu dan mengalakkan produk tempatan menembusi pasaran luar negara.

"Keputusan kerajaan untuk memperkasakan KBBM dan inisiatif ini tepat untuk mengimbangkan cabaran ekonomi semasa khususnya bagi merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan," ujarnya.

Inisiatif Payung Rahmah berjaya turunkan kadar inflasi



FUZIAH (kanan) melihat antara barang tempatan yang dijual di Lulu Hypermarket di ibu negara semalam.

KUALA LUMPUR — Inisiatif Payung Rahmah yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) berjaya menurunkan inflasi pada kadar yang lebih rendah dalam masa setahun di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, kadar inflasi tahun ini menurun kepada 1.8 peratus berbanding 4 peratus yang dicatatkan pada Disember 2022 lalu.

Menurutnya, kadar inflasi yang diukur dengan Indeks Harga Pengguna tersebut merupakan antara yang terendah sejak April 2021.

"Melalui inisiatif Menu Rahmah dan Jualan Rahmah, pihak KPDN berjaya menurunkan indeks harga pengguna dalam dua subkategori iaitu dalam subkumpulan makanan di luar rumah dan makanan di rumah daripada 9.6 peratus kepada 5.6 peratus.

"Ini membuktikan inisiatif Kerajaan Perpaduan membawa hasil kerana data dan nombor tidak menipu. Sehingga hari ini, inisiatif-inisiatif ini terbukti telah menyumbang kepada penurunan kadar inflasi," katanya.

Beliau berkata demikian ke-



Pada tahun 2023, KPDN telah mengadakan lima kempen seluruh negara melibatkan Kempen Beli Barang Malaysia dan kemuncaknya adalah pada 14 Disember ini di pusat beli-belah IOI Putrajaya.

FUZIAH SALLEH

tika ditemui pada majlis Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 di Lulu Hypermarket & Department Store, Capsquare KL di sini semalam.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan, kerajaan bakal menyediakan RM200 juta untuk meneruskan Payung Rahmah sebagai manifestasi keperihatinan kerajaan dalam membela nasib rakyat.

Tambahnya, Program Jualan Rahmah yang menawarkan barang keperluan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah akan diperluas ke lebih banyak kawasan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

Selain itu, Fuziah turut me-

rasmikan Kempen Beli Barang Malaysia untuk memerkasakan produk tempatan menerusi industri peruncitan.

Menurut Fuziah, kempen tersebut diadakan dengan tujuan untuk menggalakkan pengguna di Malaysia membeli barang tempatan selain untuk berbelanja dengan menggunakan barang buatan Malaysia.

"Kempen ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk pelaksanaan. Pihak kami menganjurkan pelbagai Karnival dan eksposur jualan bertemakan pembelian barang tempatan, pengiklanan promosi melalui media seperti media cetak, media elektronik, media digital dan marketplace.

"Pada tahun 2023, KPDN telah mengadakan lima kempen seluruh negara melibatkan Kempen Beli Barang Malaysia dan kemuncaknya adalah pada 14 Disember ini di pusat beli-belah IOI Putrajaya.

"Dengan inisiatif ini, kami berharap penyenaraian masuk atau penembusan produk-produk tempatan keluaran penilaian akan meningkat di pusat-pusat beli-belah, pasar raya, hypermarket seta kedai-kedai serbaneka di Malaysia mahupun pasar raya luar negara," katanya.



TIADA sebarang dasar menghalang warga asing membeli minyak masak peket ketika diperkenalkan pada tahun 2016. — GAMBAR HIASAN

Lakukan penyasaran semula subsidi minyak peket

KUALA LUMPUR — Kerajaan menegaskan tidak ada sebarang dasar yang menghalang golongan tertentu daripada membeli minyak masak peket di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Fuziah Salleh berkata, sehubungan itu kerajaan sedang berusaha untuk melakukan penyasaran semula subsidi bagi mengelakkan ketirisan subsidi produk tersebut.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, tiada sebarang dasar yang mengatakan warga asing tidak boleh membeli minyak masak peket ketika produk ia diperkenalkan pada tahun 2016.

"Jadi, apabila minyak masak paket ini berada di pasaran, amat

sukar untuk kita mengawal warga asing membelinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Majlis Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 di Lulu Hypermarket & Department Store, Capsquare KL di sini semalam.

Tambah Fuziah, ketika ini pihaknya sedang mengenal pasti golongan atau individu yang layak menerima subsidi bersasar itu.

"Apabila kita sasarkan subsidi ini, sudah tentulah warga asing tidak termasuk dalam kategori penerima minyak masak ini," katanya.

Tambahnya, kementerian menyifatkan hanya golongan B40 dan sebahagian M40 layak menerima subsidi yang dianggarkan sekitar 5.8 juta isi rumah.

Lantik pemborong tambah stok bahan asas hadapi banjir

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengarahkan semua negeri berisiko banjir melantik pemborong dan peruncit bagi menambah stok bekalan bahan asas untuk berdepan bencana tersebut.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, negeri-negeri tersebut seperti Kelantan dan Terengganu telah bertindak menambah barang keperluan asas sebanyak 30 peratus setakat ini bagi mengelakkan kekurangan bekalan.

"Saya sendiri turun ke kawasan banjir dan pihak kami belum menerima apa-apa aduan kekurangan bekalan asas makanan seperti telur, minyak dan beras," katanya ketika ditemui di majlis Pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia 2023 di Lulu Hypermarket & Department Store, Capsquare KL di sini semalam.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, KPDN Kelantan mengingatkan kepada semua pemborong dan pembekal agar tidak menyembunyikan keperluan asas terutamanya makanan demi mengaut lebih keuntungan semasa musim banjir.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, sehubungan itu, seramai 127 anggota penguat kuasa KPDN sentiasa membuat pemantauan berterusan bagi memastikan pengguna mendapat bekalan keperluan di pasaran.

Dalam perkembangan lain, Fuziah berkata, ketika ini KPDN sedang mengenal pasti individu yang layak menerima subsidi minyak masak peket bersasar.

"Apabila kita sasarkan subsidi, sudah tentulah warga asing tidak termasuk dalam kategori penerima minyak masak ini," katanya.

Peniaga wanita berdepan denda RM1 juta

Lagi premis sorok minyak, gula diserbu

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

KAMPAR — Seorang peniaga wanita berdepan hukuman penjara dan denda RM1 juta selepas didapati menyorok minyak masak peket 1 kilogram (kg) dan gula di premisnya di Taman Sejahtera Jaya, di sini kelmarin.

Tindakan wanita berusia 48 tahun itu yang enggan menjual barang berkenaan kepada warga tempatan dikesan selepas sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu premis itu kira-kira pukul 10.15 pagi.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, terdahulu anggota penguat kuasa menyamar untuk membeli minyak masak peket namun dimaklumkan tiada bekalan.

Menurutnya, curiga dengan kenyataan tersebut, sepasukan anggota penguat kuasa telah melaksanakan pemeriksaan menyeluruh ke atas premis berkenaan.

"Hasil pemeriksaan menemui sejumlah minyak masak peket 1kg dan gula pasir kasar 1kg yang disembunyikan di dalam premis.

"Bagaimanapun pemilik premis gagal menjelaskan mengapa barang kawalan itu tidak dijual apabila diminta," katanya.

Sehubungan itu jelasnya, pihaknya menyita 90 unit minyak masak peket jenis 1kg, 216 unit gula pasir kasar dengan keseluruhan nilai rampasan diang-



PENGUAT KUASA KPDN memeriksa minyak peket yang disorok di sebuah premis di Taman Sejahtera Jaya, Kampar kelmarin. — IHSAN KPDN

garkan berjumlah RM840.60.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 di bawah Seksyen 16A(1)(b) iaitu enggan menjual barang kawalan kecuali dengan kebenaran pengawal atau mana-mana pengawal bekalan yang diberi kuasa secara bertulis," katanya.

Katanya, jika sabit kesalahan

peniaga itu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau maksimum tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

"Bagi Pertubuhan atau Perbadanan, mana-mana badan korporat yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta Kawalan Bekalan 1961, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM2 juta," katanya.

Barang tiruan guna kod bar asal

KPDN serbu premis rampas aksesori komputer jenama terkenal bernilai RM10,880 dalam stor

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Menampal kod bar produk asal pada barang tiruan sebelum menjualnya kepada pelanggan.

Begitu taktik sebuah premis menjual peralatan komputer di Pengkalan Chepa di sini, yang berjaya dibongkar anggota pengutus kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) hasil aduan dan risikan selama seminggu.

Serbuan kira-kira jam 10 pagi Selasa lalu merampas aksesori komputer jenama terkenal bernilai RM10,880 di premis yang turut dijadikan tempat simpanan.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, rampasan dibuat kerana premis terbabit disyaki melakukan pelanggaran penggunaan cap dagangan berdaftar.



PASUKAN KPDN Kelantan dan wakil pemilik Cap Dagang memeriksa peralatan komputer dikesan berlaku pelanggaran penggunaan cap dagangan berdaftar di sebuah premis di Pengkalan Chepa.

berdaftar.

"Wakil pemilik cap dagang juga mengesahkan pelekat asal bar kod sesetengah barang dicabut dan ditampal pada peralatan komputer tiruan dan apabila diimbaskan untuk pembelian, parparan yang keluar adalah barang asli.

"Jualan yang dibuat adalah melalui dalam talian dan bersemuka, malah premis itu juga membekalkan peralatan komputer kepada beberapa jabatan kerajaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 102 (1)(c) dan 100(1)(b) Akta Cap Dagangan 2019.

"Pengguna dinasihati berhati-hati dengan meneiti sesuatu produk sebelum membuat pembelian bagi mengelakkan tertipu," katanya.

"Sitaan dilakukan terhadap 64 unit peralatan komputer dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM10,880 membabitkan dakwat mesin pencetak dan katrij yang disyaki melakukan perlanggaran penggunaan cap dagangan

Salon owner who overcharged tourist fined RM5,000

KUALA LUMPUR: A hair salon owner, who went viral on social media for charging a foreign tourist RM120 for a haircut, was fined RM5,000 after she pleaded guilty to not displaying a price list.

Sessions Court judge Norina Zainol Abidin imposed the fine on Nurul Jannah Abdullah, 52, ordering her to serve six months in prison if she fails to pay the fine.

The accused was charged under Order 3(1) of the Price Control and Anti-Profiteering (Price Marking for Goods and Charges for Services) Order 2020, which is punishable by a fine of up to RM50,000.

She admitted to committing the offence of failing to display the price list for hair styling services offered in her salon at Jalan Bukit Bintang

here at 12.26pm on April 11.

Deputy public prosecutor Nurul Ain Shafie from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry requested a deterrent sentence to serve as a lesson to others.

"The customer was a foreign tourist who questioned the price as it was too expensive and unreasonable, in addition to thinking the government does not control

the prices for goods and services.

"The incident also affected the country's tourism sector. It even went viral on social media," she said.

In mitigation, Nurul Jannah, who was unrepresented, pleaded for a lesser sentence, saying that she has stage one cancer and needed money to support her family. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 DISEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Dec	Inisiatif Payung Rahmah terbukti berjaya turunkan inflasi	https://www.kosmo.com.my/2023/12/07/inisiatif-payung-rahmah-terbukti-berjaya-turunkan-inflasi/	KOSMO
8-Dec	KPDN bakal lakukan penyelasar, elak ketirisan subsidi minyak masak peket	https://www.kosmo.com.my/2023/12/07/kpdn-bakal-lakukan-penyselasar-elak-ketirisan-subsidi-minyak-masak-peket/	KOSMO
8-Dec	Fuziah: Domestic Trade Ministry to boost local entrepreneurship with RM12m allocation in 2024	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/12/07/fuziah-domestic-trade-ministry-to-boost-local-entrepreneurship-with-rm12m-allocation-in-2024/106312	MALAYMAIL
8-Dec	Should Malaysians boycott companies linked to Israel? Fuziah says decide based on facts, not emotions	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/12/07/should-malaysians-boycott-companies-linked-to-israel-fuziah-says-decide-based-on-facts-not-emotions/106302	MALAYMAIL
8-Dec	Israel-linked companies boycott: Fuziah says decide based on facts, not emotions	https://www.dailyexpress.com.my/news/224879/israel-linked-companies-boycott-fuziah-says-decide-based-on-facts-not-emotions/	DAILYEXPRESS
8-Dec	Enggan jual minyak, gula, peniaga dikenakan tindakan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarai-berita-nasional/sejarai-artikel/enggan-jual-minyak-gula-peniaga-dikenakan-tindakan	BERITARTM

8-Dec	Premis sorok, enggan jual minyak masak peket kepada warga tempatan diserbu KPDN	https://www.kosmo.com.my/2023/12/07/premis-sorok-enggan-jual-minyak-masak-peket-kepada-warga-tempatan-diserbu-kpdn/	KOSMO
8-Dec	Premis sorok, enggan jual minyak masak peket kepada warga tempatan diserbu KPDN	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemilik-pasar-mini-berdepan-tindakan-kerana-sorok-dan-enggan-jual-minyak-masak-paket-gula-449065	ASTROAWANI
8-Dec	Premis enggan jual minyak masak peket, gula diserbu	https://www.sinarharian.com.my/article/638447/berita/semasa/premis-enggan-jual-minyak-masak-peket-gula-diserbu	SH
8-Dec	Tampal kod bar asli di barang tiruan, KPDN rampas dakwat dan katrij	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/node/1038118/amp	HM
8-Dec	IHP menurun hasil inisiatif KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1038206/ihp-menurun-hasil-inisiatif-kpdn	HM
8-Dec	KPDN dalam usaha bawa produk tempatan ke luar negara	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2251986	BERNAMA
8-Dec	KPDN out to promote local products abroad	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2252090	BERNAMA
8-Dec	Inisiatif Payung Rahmah turunkan inflasi	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/inisiatif-payung-rahmah-turunkan-inflasi/	UM

8-Dec	Kempen Beli Barang Malaysia tingkatkan jualan produk tempatan	https://www.sinarharian.com.my/article/638551/berita/nasional/kempen-beli-barangan-malaysia-tingkatkan-jualan-produk-tempatan	SH
8-Dec	KPDN dalam usaha bawa produk tempatan ke luar negara, kata menteri	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/475333	THEMALAYSIANINSIGHT
8-Dec	KPDN dalam usaha bawa produk tempatan ke luar negara	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-dalam-usaha-bawa-produk-tempatan-ke-luar-negara-449193%3famp=1	ASTROAWANI
8-Dec	'Boikot dengan ilmu, bukan perasaan' – Fuziah	https://www.kosmo.com.my/2023/12/07/boikot-dengan-ilmu-bukan-perasaan-fuziah/	KOSMO
8-Dec	Should Malaysians boycott companies linked to Israel? Fuziah says decide based on facts, not emotions	https://www.theborneopost.com/2023/12/07/should-malaysians-boycott-companies-linked-to-israel-fuziah-says-decide-based-on-facts-not-emotions/	THEBORNEOPOST
8-Dec	Caj gunting rambut RM120, pemilik kedai didenda kerana gagal pamer harga	https://www.melakahariini.my/caj-gunting-rambut-rm120-pemilik-kedai-didenda-kerana-gagal-pamer-harga/	MELAKAHARINI
8-Dec	Salon owner fined RM5,000 for failure to display prices	https://themalaysianreserve.com/2023/12/07/salon-owner-fined-rm5000-for-failure-to-display-prices/	THEMALAYSIANRESERVE
8-Dec	Caj gunting rambut RM120, pemilik kedai didenda kerana gagal pamer harga	https://m.malaysiakini.com/news/689255	MALAYSIAKINI
8-Dec	Salon owner fined RM5,000 for failure to display prices	https://thesun.my/local_news/salon-owner-fined-rm5000-for-failure-to-display-prices-BM11842146	THESUN